



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	AHAD, 2 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PERANCANGAN BAHARU MANTAPKAN LAGI KERJASAMA JEPUN, MALAYSIA
M/S	25
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES

Perancangan baharu mantapkan lagi kerjasama Jepun, Malaysia

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tahun Baharu 2022 amat bermakna bagi Duta Jepun ke Malaysia, Katsuhiko Takahashi, yang baru memulakan tugas awal Disember lalu.

Beliau juga mempunyai banyak perancangan menarik bagi memantapkan hubungan dua hala dan berharap dapat memainkan peranan penting dalam usaha itu.

Antara lain, Takahashi, 58, berkata pihaknya melihat peluang yang baik menerusi perancangan untuk membuka cawangan pertama universiti Jepun, Universiti Tsukuba, di negara ini.

Katanya, kampus itu akan dibuka dalam Universiti Malaya (UM) menjelang 2023, iaitu kampus cawangan luar negara yang pertama bagi universiti Jepun.

"Pembukaan itu kelak menjadi lambang hubungan baik yang terjalin selama 40 tahun. Kita bekerjasama untuk menyediakan pendidikan yang baik," katanya dalam temu bual bersama *BH* baru-baru ini.

Pernah menjejak kaki ke Malaysia 20 tahun lalu, Katsuhiko berkata, Malaysia kini banyak mengalami perubahan khususnya membabitkan pembangunan dan perkembangan ekonomi, yang disifatkan amat membanggakan.

Pada pandangan beliau, Malaysia, walaupun sebuah negara yang moden, ia tetap mengekalkan warisan budaya dan keindahan semula jadi.

"Dalam masa 20 tahun, Kuala Lumpur benar-benar berubah di mana ekonominya membangun ke tahap Pendapatan Negara Kasar (KDNK) perkapita negara mencecah AS\$10,000 (RM41,765)."

"Jepun dan Malaysia akan bertukar pandangan bagaimana untuk meningkatkan pelaburan, termasuk bagaimana kita boleh memberi insentif kepada pelabur dan nilai tambah.

"Kita akan bersama-sama mengatasi sebarang kesukaran untuk lebih ke depan khususnya dalam aspek pembuatan yang terjejas akibat COVID-19.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Malaysia atas pencapaian ini, yang dijayakan bersama rakyat untuk menuju ke arah negara maju menjelang 2025," katanya.

Katsuhiko berkata, Jepun adalah negara pelabur ketiga terbesar di Malaysia dan rakan dagang ke empat terbesar pada 2020.

Tambah beliau, sehingga kini sebanyak 1,500 syarikat Jepun beroperasi di Malaysia yang menyediakan 470,000 peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan.

"Syarikat Jepun akan terus melabur dalam pelbagai sektor di negara ini, walaupun berdepan keadaan mencabar.

"Meskipun berdepan COVID-19, syarikat Jepun terus melabur dalam pelbagai sektor seperti pembuatan, peruncitan, logistik, digital dan tenaga.

"Semua ini meningkatkan stok pelaburan langsung asing (FDI) daripada RM75.2 bilion pada 2019 kepada RM80.8 bilion pada suku ketiga tahun ini," katanya.

Beliau berkata, adalah amat penting baginya untuk 'mengenali' Malaysia dan rakyatnya dengan lebih mendalam sebelum memutuskan untuk melaksanakan sesuatu inisiatif.

Katanya, buat permulaan adalah penting untuknya menggali sebanyak mana maklumat, termasuk mengadakan pertemuan dengan penduduk tempatan, yang menjadi keutamaannya kini.

"Saya baru hampir sebulan berada di sini dan masih dalam proses pembelajaran. Ini penting ke-

"Saya mengucapkan tahniah kepada Malaysia atas pencapaian ini, yang dijayakan bersama rakyat untuk menuju ke arah negara maju menjelang 2025"



Katsuhiko Takahashi, Duta Jepun ke Malaysia

rana tanpa mengetahui dengan lebih mendalam sesuatu negara dan penduduknya, saya tidak boleh membuat keputusan apa yang perlu dibuat.

"Namun, saya berada dalam kedudukan yang baik untuk melaksanakan sebarang idea selepas menerima maklumat," katanya.

Buat masa ini, katanya, tumpuan adalah bagi pengajuran sambutan 40 tahun Dasar Pandang ke Timur (LPT) tahun depan.

Beliau berkata, perbincangan kini dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menganjurkan acara terbabit.

"Sehingga kini, perbincangan masih dijalankan dan kita akan mengumumkan mengenai sambutan itu secara terperinci selepas hasil rundingan selesai," katanya.

Mengenai pelancongan, beliau berkata, kira-kira

424,000 pelancong Jepun melawat Malaysia, manakala 501,000 rakyat Malaysia melawat Jepun pada 2019.

Kata Katsuhiko, pihaknya kini merancang untuk mempromosikan lokasi tarikan pelancong di kawasan pedalaman, selain bandar utama di negara itu yang kerap menjadi destinasi pilihan pelancong Malaysia.

Katanya, sehingga kini terdapat 30,000 anggota komuniti Jepun yang menetap di negara ini dan pihaknya berterima kasih kepada Malaysia yang memberikan 'layanan' baik buat mereka, termasuk dalam aspek pemberian vaksin COVID-19.

Pada peringkat antarabangsa pula, bersandarkan pengalaman 10 tahun berkhidmat di Timur Tengah, Takahashi rasa bertangjawab untuk terus membantu rakyat di sana, khususnya warga Afghanistan selepas negara itu diambil alih oleh Taliban, Ogos lalu.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai duta dan wakil khas ke Afghanistan serta Pakistan, berkata atas dasar prihatin itu, pihaknya berhasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi membantu warga Afghanistan khususnya dalam aspek kemanusiaan dan kepakaran.

"Saya yakin Malaysia, sebagai sebuah negara Islam, boleh memainkan peranan penting dalam pemuliharaan Afghanistan.


"Jepun boleh membantu dalam kebangkitan Afghanistan dengan menyediakan kemahiran vokasional kepada rakyatnya yang boleh dilatih di Malaysia.

"Kita menyalurkan sokongan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan dana operasi secara 'berselindung'," katanya.

Tambah Katsuhiko, masa kini sangat suntek kerana rakyat Afghanistan semakin menderita dan dunia tidak boleh berdiam diri tanpa berbuat apa-apa, sebaliknya perlu satu pelaksanaan yang mantap untuk membantu mereka.

Katanya, keadaan di Afghanistan adalah sukar untuk masyarakat antarabangsa kerana pentadbiran Taliban tidak akan diiktiraf sehingga mereka mampu melaksanakan dasar yang bersifat lebih sederhana.

Beliau berkata, negara Islam, termasuk Malaysia memainkan peranan penting untuk membantu, malah pihaknya juga melihat ada banyak peluang bagi Malaysia membantu Afghanistan.



DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM